

10/12/1999

Perak iktiraf sumbangan golongan muda

Jalal Ali Abdul Rahim

JUMAAT lalu, Menteri Besar Perak kesembilan, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali mengangkat sumpah di hadapan Sultan Perak, Sultan Azlan Shah, menggantikan Tan Sri Ramli Ngah Talib yang telah berkhidmat selama empat penggal.

Kelmarin pula, giliran 10 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) mengangkat sumpah sebagai Exco baru yang akan memegang pelbagai portfolio bagi melaksanakan tugas pentadbiran kerajaan negeri.

Daripada jumlah itu, tiga ialah muka baru iaitu dua daripadanya pemimpin tertinggi sayap Pemuda Umno dan MCA negeri, manakala seorang daripada pemimpin tertinggi Wanita Umno negeri.

Mereka ialah Ketua Pemuda Umno Perak, Jamal Nasir Rasdi, Ketua Pemuda MCA Perak, Ho Cheng Wang dan Ketua Wanita Umno Perak, Ainon Khariyah Datuk Mohd Abas.

Pelantikan Jamal Nasir dan Ho jelas membuktikan Menteri Besar baru serta pucuk pimpinan tertinggi negara begitu bersemangat mengiktiraf tugas penting yang dilaksanakan khususnya pergerakan itu dan golongan muda amnya dalam pentadbiran kerajaan yang akan berkonsepkan 'pentadbiran mesra rakyat'.

Lebih penting, pelantikan itu memperlihatkan kepekaan Tajol sebagai 'jeneral baru' yang berpandangan jauh dengan menyediakan tenaga pelapis sebagai penerus kekukuhan jentera pentadbiran dan politik negeri.

Jika kebolehan diambil kira, Jamal Nasir, 40, menepati ciri itu kerana beliau menunjukkan iltizam yang tinggi memimpin pemuda Umno sejak 1996 dan sudah tiga penggal menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lubuk Merbau.

Walaupun pergerakan Pemuda pemimpinannya pernah bergolak seketika apabila ada Ketua Pemuda Umno bahagian mempersoalkan pendiriannya berikutan isu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, perkara itu berjaya diselesaikan dengan cara terbaik termasuk melalui campur tangan pihak atasan.

Ketokohan Jamal mengutarakan pelbagai isu juga menyerlah dan sering mengambil bahagian dalam perbahasan Persidangan Dewan Undangan Negeri, termasuk menyentuh isu Islam dan belia.

Maka tidak hairanlah, sekalipun portfolio belum umumkan, beliau dijangka memegang portfolio agama, belia dan sukan.

Adun Pokok Asam, Ho, 44, juga dilihat berpengalaman kerana menjadi Ketua Pemuda MCA Perak sejak 1990 dan pernah menjadi Senator selama tiga tahun mulai 1991.

Selain berpengalaman sebagai Ahli Dewan Negara, beliau juga sering menyertai perbahasan di Persidangan DUN.

Penyertaan Adun Kampung Gajah, Ainon Khariyah, 55, dalam barisan Exco adalah tanda penghargaan pucuk pimpinan terhadap wanita.

Sebelum ini, kedudukan Ainon Khariyah dan Datuk Mazidah Zakaria menjadi tanda tanya sama ada mereka dapat menyertai barisan Exco apabila Tajol hanya mengemukakan senarai yang hanya mengandungi sembilan nama Adun bagi mengisi jawatan Exco sedia ada.

Bagaimanapun, kedua-dua mereka sah dilantik sebagai Exco apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Tajol mewujudkan satu lagi portfolio menjadikan 10 semuanya untuk diisi calon Wanita Umno sebagai tanda penghargaan terhadap wanita yang banyak membantu kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum lalu.

Ainon Khariyah juga berpengalaman kerana beliau kini menjadi Exco Wanita

Umno pusat dan sebelum ini pernah memegang jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Pertambahan itu akan turut menyaksikan seorang wakil MCA dilantik sebagai Timbalan Speaker. Difahamkan, jawatan itu akan diisi Adun Buntong, Yik Phooi Hong. Datuk Seri Junus Wahid yang sebelum ini memegang portfolio Industri dan Pembangunan Usahawan disebut-sebut akan dilantik sebagai Speaker.

Sementara itu, pelantikan Adun Ayer Kuning, Datuk Azman Mahalan, 57, sebagai Exco menyambung semula tugasnya setelah `bercuti' selama satu penggal.

Pada 1990 hingga 1995, beliau dilantik sebagai Exco yang memegang portfolio Tanah dan Pembangunan Luar Bandar.

Pada penggal ini, beliau dijangka memegang portfolio Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, sekali gus memudahkan tugasnya kerana mempunyai pengalaman mentadbir satu daripada portfolio berkenaan.

Dalam kepemimpinan Umno bahagian Tapah, Azman sudah tujuh kali mempertahankan jawatannya sebagai Ketua Umno Bahagian. Walaupun setiap kali pemilihan ada yang mencabarnya, beliau masih mampu menewaskan pencabarnya.

Keempat-empat tokoh Exco itu akan berpadu tenaga dengan enam muka lama yang dikekalkan sebagai Exco dalam memastikan Perak lebih cemerlang melangkah ke alaf baru dalam usaha memakmurkan ekonomi negeri.

Mereka ialah Datuk Ramly Zahari yang sebelum ini memegang portfolio Pertanian, Datuk Dr Abdul Malek Mohd Hanafiah (Pendidikan, Belia dan Sukan), Datuk Mazidah Zakaria (Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan Hal Ehwal Wanita dan Pembangunan Manusia).

Tiga Exco lagi ialah Datuk Ong Ka Chuan (Infrastruktur dan Kemudahan Awam), Datuk Chang Ko Youn (Perbandaran dan Kerajaan Tempatan) dan Datuk G Rajoo (Hal Ehwal Pengguna dan Perpaduan).

Mereka yang tidak dilantik semula ialah Junus, Datuk Lee Chee Leong dan Datuk Mohd Zaim Abu Hasan yang gagal mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeru Belanja pada pilihan raya umum lalu.

(END)